

# GEMPA BUMI DI ACEH



*Sebuah masjid di Pidie Jaya hampir musnah dilanda gempa kelmarin.*



*Faizal menunjukkan jam yang berhenti berfungsi pada waktu gempa berlaku di Kampung Kuta Pangwa, Pidie Jaya.*



# Misi penyelamat ditingkatkan

1314  
912116  
m15-6

➔ Bekalan asas terputus, penduduk berlindung di masjid, kawasan bukit

**Nasaruddin Parzi**

Wartawan →  
mnasaruddin@bh.com.my



**Aizuddin Saad**

← Jurugambar

Aceh, Indonesia ▶

Barat dibadai tsunami kecil. Itu gambaran awal dirumuskan sebaik melangkah masuk bandar Pidie Jaya yang dihuni lebih 150,000 penduduk, lokasi utama gempa bumi bermagnitud 6.5 hingga mengorbankan 102 nyawa setakat petang semalam.

Tinjauan BH di beberapa lokasi runtunan mendapati, kerja menye-

latamat diteruskan oleh agensi berkaitan membabitkan gabungan pasukan tentera, polis serta Badan Operasi Mencari dan Menyelamat Nasional (BASARNAS) di kawasan runtunan.

## Berlindung di masjid

Tumpuan pasukan penyelamat ketika ini adalah memungkah runtunan ke kawasan lain bagi membolehkan mereka membuat pengesanan akhir jika ada mangsa tertimbus di sebalik bongkah batu.

Sebaik melangkah masuk ke kawasan gempa kira-kira jam 3 petang waktu tempatan semalam, ramai penduduk didapati masih berlindung di masjid dan kawasan berbukit selepas kediaman mereka musnah dan tidak selamat diduduki.

Laluan utama di sepanjang Jalan

Banda Aceh-Medan di sini, turut dipenuhi kenderaan pasukan penyelamat, tentera dan polis yang mengawal pergerakan lalu lintas sejak pagi kelmarin hingga menyebabkan kesesakan teruk.

Klinik sementara dibuka bagi membolehkan masyarakat tempatan mendapatkan rawatan.

Pemerhatian BH di Rumah Sakit Umum Pidie Jaya mendapati kelengkapan rawatan juga mula berkurangan berikutan peningkatan bilangan mangsa yang cedera sejak petang kelmarin.

## Bekalan asas terputus

Lebih menyedihkan, bekalan elektrik dan air di kawasan bandar dan perkampungan di sekitarnya turut terputus, menyebabkan kawasan berkenaan bergelap. Buat masa ini, generator menjadi 'talian

hayat' yang membekalkan elektrik.

BH turut melakukan tinjauan di sebuah rumah kedai empat tingkat yang musnah di Kampung Tengah Musa, di sini. Gempa bumi yang melanda jam 5.03 pagi kelmarin mengorbankan pasangan suami isteri yang menghuni kediaman itu.

Jailani, 60, dan isterinya, Faridah, 50, disahkan meninggal dunia selepas gagal menyelamatkan diri ketika gempa melanda.

Selain rumah kedai, kubah dan menara di beberapa masjid di sekitar bandar ini turut rosak teruk, malah ada yang runtuh dan menghempap bangunan berhampiran.

Kawasan kedai dua tingkat di tengah-tengah bandar Pidie Jaya yang musnah itu turut meragut 25 nyawa lain.

Lebih tragis, sebahagian besar mangsa adalah ahli rombongan perkahwinan dari Padang yang sepatutnya menghadiri majlis pernikahan saudara mereka pada hari kejadian.



**Untuk komen**

e-mel ke [bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)  
atau di laman Facebook BH Online

BH  
 a112/116  
 mis-7



# GEMPA BUMI DI ACEH

[FOTO AFP]



Untuk video layari [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)

**Kebanyakan mangsa gempa berlandung di masjid, selepas kediaman mereka musnah.**



**Mangsa gempa tidur di pekarangan masjid di Kampung Ulim, Pidie Jaya.**



**Seorang lelaki mencari barang-barang yang boleh digunakan di kedainya yang musnah akibat gempa 6.5 magnitud, pagi kelmarin.**

## Penduduk trauma, sangka dilanda tsunami lagi

**Gempa** bumi yang melanda sebuah daerah kecil di timur laut Aceh, awal pagi kelmarin mencetuskan kebimbangan berterusan dalam kalangan ribuan penduduk di beberapa daerah wilayah itu.

Kejadian yang meragut 102 nyawa setakat ini dan meruntuhkan rumah serta bangunan itu, mengembalikan detik tragik Aceh dilanda tsunami pada 26 Disember 2004, mengorbankan ribuan nyawa.

Seorang warga tempatan, Abdul Jalil Abdullah, 76, menyedari kejadian itu awal pagi kelmarin, sebelum bergegas mengejutkan ahli keluarganya untuk menyelamatkan diri.

### Lari keluar rumah selamatkan diri

"Saya bingkas bangun sebaik menyedari gempa bumi melanda. Selepas mengejutkan semua anggota keluarga, kami bergegas keluar menyelamatkan diri," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Penduduk Kampung Seukon Baro itu mengakui masih trauma dan sebahagian besar jirannya berpindah ke kawasan lebih tinggi bagi mengelak ancaman tsunami.

"Ada yang berkata air (laut) naik lagi, ini membuatkan kami trauma," katanya yang bersyukur kediamannya tidak mengalami kerosakan teruk, hanya rekahan di dinding rumah.

Fakta  
nombor

## 102 MANGSA

Disahkan maut  
sehingga petang  
semalam

## 6.5 MAGNITUD

Kekuatan gempa  
melanda daerah  
Pidie Jaya



**Pasukan penyelamat meneruskan usaha** mengesan mangsa yang tertimbus dalam runtuhannya di sebuah bangunan di Pidie Jaya, semalam.

### Lari ke kawasan bukit

Mokhsin Adhan, 30, berlari menuju ke bukit berdekatan sebaik menyedari gempa melanda kawasan rumahnya.

“Saya dan isteri bersama anak-anak lari berlindung di kawasan berbukit selama beberapa jam sehingga pihak berkuasa mengesahkan tiada tsunami berlaku.

“Ia benar-benar menakutkan. Saya jadi sesak nafas dan sukar bernafas kerana terlalu takut dan bimbang.

“Kami berlari ke bukit berdekatan kerana rumah kami berhampiran pantai. Kami takut tsunami,” katanya.

Sebaik kembali ke rumah, Mokhsin bersyukur apabila mendapati kediamannya masih kukuh, cuma beberapa tiang dikesan retak.

Bagaimanapun, isteri dan anaknya yang berusia tujuh tahun mengalami trauma susulan kejadian itu.

“Saya berasa amat sedih selepas mendapat tahu seorang rakan yang tinggal di kawasan berhampiran maut tertimbus dalam runtuhannya yang memusnahkan hampir keseluruhan rumahnya.

“Lebih memilukan, saya sendiri membantu mengeluarkan mayatnya awal pagi semalam (kelmarin) dengan bantuan penduduk,” katanya.



Lagi berita Ms.8, Dunia Ms.45